

PM mahu jenayah di sekolah dihapuskan ke tahap sifar

SHAH ALAM 16 Mei — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Kementerian Pelajaran memberikan perhatian serius menghapuskan masalah jenayah di sekolah-sekolah sehingga ke tahap sifar sebagaimana kerajaan bersungguh-sungguh membasmi kemiskinan tegar di negara ini.

Perdana Menteri mengingatkan pihak terbabit bahawa jenayah membabitkan pelajar sekolah tidak boleh dianggap ringan semata-mata dengan mengangap jumlah mereka yang terlibat hanya sekitar 2.1 peratus daripada keseluruhan empat juta pelajar di seluruh negara.

“Itu tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak memberikan perhatian yang serius, untuk mengambil berat terhadap masalah tingkah laku yang berkaitan jenayah di sekolah.

“Ia sepatutnya tidak berlaku ibarat kata orang-orang tua, kerana setitik nila, rosak susu sebelanga,” katanya ketika berucap merasmikan Pelancaran Perayaan Hari Guru 2004 Peringkat Kebangsaan Ke-33 di Stadium Malawati di sini hari ini.

Menurut Perdana Menteri, insiden-insiden yang negatif di sekolah itu tidak sepatutnya disembunyikan dan ia selaras

UM- 17/5/2004 : 1, 4

dengan pandangan dan hasrat rakyat Malaysia agar perkara tersebut diselesaikan.

“Kita perlu agih-agihkan tugas bila berlaku insiden-insiden seperti itu. Kalau kita ada strategi membasmi kemiskinan tegar, sekolah juga mengapa tidak boleh menghapuskan jenayah dan meningkatkan lagi usaha dengan memberi kaunseling,” katanya.

Di samping itu, Abdullah menyarankan agar aktiviti kokurikulum dijadikan